

# MAHASISWA PERLU BIJAK, JANGAN BERTINDAK IKUT EMOSI

03 September 2016 12:18 AM

Utusan Malaysia

KOTA SAMARAHAN 2 Sept.– Mahasiswa harus sentiasa mengingatkan diri bahawa sebagai golongan belia, mereka tidak seharusnya mudah mengambil tindakan mengikut emosi sehingga mencetuskan pelbagai kontroversi.



FADILLAH YUSOF

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, hal ini kerana dalam kerancangan media sosial pada hari ini, sangat mudah bagi sesiapa sahaja mencetus pelbagai kontroversi melalui Facebook, Twitter, Instagram dan media sosial yang lain.

Beliau yang merangkap Menteri Mentor Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) berkata, melihat kepada apa yang berlaku sekarang, terdapat banyak kejadian negatif berlaku akibat kealpaan manusia menggunakan saluran maya terbabit mengikut emosi.

“Justeru, setiap pelajar perlu meletakkan nilai tambah pada diri untuk menjadi model serta contoh dan sumber rujukan yang baik kepada masyarakat.

“Kita tidak mahu anak-anak muda kita menjadi rapuh sehingga mudah terhakis jati diri,” ujarnya ketika berucap dalam Majlis Ikrar Pelajar Baharu Unimas Bagi Ambilan September Sesi 2016/2017 di Unimas di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Menteri merangkap Pro Canselor Unimas, Tan Sri Alfred Jabu Numpang dan isteri, Puan Sri Empiang Jabu; Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Datuk Dr. Hatta Solhi dan Naib Canselor Unimas, Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi. Kata Fadillah, bergelar mahasiswa dan mahasiswi bukanlah mudah kerana selain menuntut ilmu, golongan ini perlu menjadi model contoh kepada masyarakat.

Jelasnya, suka atau pun tidak, masyarakat akan menjadikan mereka sebagai rujukan dan contoh.

“Tanggungjawab yang dipikul ini bukanlah tanggungjawab yang ringan. Saudara-saudari perlu memastikan contoh yang diberikan kepada masyarakat adalah contoh baik demi melahirkan masyarakat yang cemerlang,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, Unimas merupakan gedung ilmu yang akan mendidik dan membentuk potensi setiap sumber manusia yang ada. Menurutnya, peranan Unimas bukan hanya melahirkan modal insan yang intelek, malah institusi itu mampu melahirkan modal insan yang mempunyai nilai sahsiah dan jati diri yang tinggi dengan memberi fokus kepada pembangunan secara holistik dalam diri pelajarannya.

“Sewajarnya saudara-saudari mengambil segala peluang yang ada di kampus Unimas ini untuk meneroka dan menimba pelbagai ilmu bagi mematangkan diri demi kelangsungan mengharungi kehidupan yang mendatang,” ujarnya.

- See more at: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/mahasiswa-perlu-bijak-jangan-bertindak-ikut-emosi-1.377738#sthash.s1Er1OWn.dpuf>